

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**RUJUKAN : 9946**

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk mempertimbangkan pengeluaran kad pengenalan berasingan bagi warganegara Malaysia di Sabah agar mudah untuk membezakan mereka daripada pendatang tanpa izin.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berhubung dengan cadangan pengeluaran Kad Pengenalan Khas kepada warganegara Malaysia di negeri Sabah, Kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan tersebut perlu ditangani secara berhemah kerana menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah serta keluhuran perundangan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 66**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) tidak mengambil tindakan keras terhadap Malaysia Airlines yang telah gagal mencatatkan pencapaian Enrich Points mengikut jadual Program Kesetiaan Penumpang yang termaktub bagi semua penerbangan "code-sharing" Malaysia Airlines yang ditunaikan menerusi anak syarikatnya, Firefly. Bukankah piawaian antarabangsa menuntut sebarang pencabulan kontrak perkhidmatan antara penumpang dan syarikat penerbangan ini dikenakan penalti.

## JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airlines Berhad (MAB) dan Firefly adalah merupakan dua buah syarikat penerbangan berasingan walaupun kedua-duanya di bawah satu kumpulan syarikat yang sama iaitu Malaysia Aviation Group (MAG). Menurut MAB, secara amnya Enrich Points bagi penerbangan MAB mengambil masa lebih kurang seminggu untuk dikreditkan, manakala Enrich Points bagi penerbangan *codeshare* pula mengambil masa lebih kurang sebulan untuk dikreditkan. MAB menasihatkan penumpang untuk sentiasa menyemak penyata Enrich dan menghubungi mereka sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Enrich Points yang telah dikreditkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Program Kesetiaan Penumpang di antara penumpang dan syarikat penerbangan adalah merupakan suatu bentuk kontrak perkhidmatan komersil yang ditentukan melalui terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu penumpang dan syarikat penerbangan. Dalam hubungan ini, MAVCOM tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pencabulan kontrak perkhidmatan komersil tersebut memadamkan ia melibatkan persetujuan bersama antara penumpang dan syarikat penerbangan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang pencabulan kontrak, maka penumpang boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat penerbangan yang berkaitan berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui sebelum ini oleh kedua-dua pihak.